

# MSC & CTSB NEWS

JULY 2024

VOL. 17

## 1. PERBINCANGAN BERKAITAN SISTEM PBT BERSEPADU BERSAMA MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MBPG)

01/07/2024 (ISNIN)

Satu perbincangan berkaitan Pelaksanaan Uji Cuba Sistem PBT Bersepadu bersama Pegawai dari

Majlis Bandaraya Pasir Gudang bagi Modul Kewangan dan Modul Hasil telah dijalankan di MBPG. Ia melibatkan Jabatan Kewangan dan Jabatan Teknologi Maklumat. Perbincangan tersebut adalah bertujuan untuk membincangkan modul-modul yang perlu digunakan semasa uji cuba sistem dilaksanakan. Perbincangan ini telah dihadiri oleh CTO, Pn Arina dan staf CTSB, Wana, Khalis dan Hana.



## 2. SESI GO-LIVE API PBTPAY MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI

03/07/2024 (RABU)

Sesi Go-Live API PBTPAY bagi Majlis Daerah Kota Tinggi telah dijalankan secara online pada 3 Julai 2024. Wakil CTSB iaitu Inshirah dan Aina turut terlibat untuk memberikan bantuan sokongan bagi memastikan sesi tersebut dijalankan dengan lancar. Syabas diucapkan.

## 3. MESYUARAT PSNB BIL 3/2024 MBIP

03/07/2024 (RABU)

Satu mesyuarat PSNB MBIP telah dijalankan secara bersemuka di Bilik Mesyuarat Opal, Bangunan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan perkara-perkara berbangkit PSNB MBIP dan pembentangan Cadangan penyelesaian daripada pihak CTSB. Ia melibatkan Jabatan Teknologi Maklumat MBIP dan wakil CTSB yang menghadiri mesyuarat ini ialah Amirah dan Fadhzillah.

## 4. MAJLIS FAREWELL AMIRUL SAUFI


04/07/2024 (KHAMIS)



Majlis Farewell Amirul Saufi telah diadakan sebagai tanda penghargaan atas sumbangannya di CTSB. Amirul Saufi telah bersama CTSB sejak tahun 2020. Majlis jamuan makan telah diadakan di The Gig Cafe dan turut disertai oleh rakan-rakan dari Software Engineering Department. Kami mengucapkan semoga maju jaya di tempat baru.

## 5. SESI LATIHAN SEWA PELBAGAI E-KHIDMAT BERSAMA MAJLIS DAERAH TANGKAK (MDT)

09/07/2024 (SELASA)




Sesi Latihan Sewa Pelbagai e-Khidmat bagi MDT telah dijalankan secara online. Ia bertujuan untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada kakitangan MDT dalam menguruskan proses Sewa Pelbagai eKhidmat. Sesi ini telah dilaksanakan oleh seorang wakil dari CTSB iaitu Inshirah.

## 6. SESI UAT INVENTORI/STOK MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG (MBDK)

09/07/2024 (SELASA)

Satu sesi UAT Inventori/Stok telah dijalankan di Majlis Bandaraya Diraja Klang. Ianya telah dihadiri oleh pegawai MBDK termasuk pengguna jabatan dan Jabatan Teknologi Maklumat. Sesi ini telah berjalan selama 1 hari dan telah dilaksanakan oleh 2 orang wakil CTSB dari Kuala Lumpur iaitu Habibah dan Syahirah.



## 7. DEMONSTRASI SISTEM DI MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA (MBSJ)

09/07/2024 (SELASA)

Pihak MBSJ telah menjemput CTSB untuk membuat demonstrasi sistem di MBSJ. Pn Arina telah membentangkan berkenaan fungsi-fungsi sistem dan pembentangan diteruskan dengan mempamerkan sistem PBT Bersepadu yang telah dibangunkan oleh CTSB. Sesi demonstrasi tersebut telah dihadiri oleh CEO dan CTO CTSB iaitu En Ramlee, dan Pn Arina.

## 8. SESI UAT EKFL LICENSE 2 BERSAMA MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKU)

11/07/2024 (KHAMIS)



Sesi UAT eKFL License bagi Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) telah dijalankan di Bilik Mesyuarat Kewangan, MPKu. Ia telah dihadiri oleh pegawai MPKu termasuk pengguna jabatan dan Jabatan Teknologi Maklumat. Sesi ini telah berjalan selama 1 hari dan telah dilaksanakan oleh 2 orang wakil CTSB iaitu Inshirah dan Siti Khairatul.

## 9. UAT MODUL PELABURAN DI MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG (MBDK)

15/07/2024 (ISNIN)




Sesi UAT Pelaburan bagi Majlis Bandaraya DiRaja Klang telah dijalankan dan ia telah dihadiri oleh pegawai MBDK termasuk pengguna jabatan. Sesi ini telah berjalan selama 1 hari dan telah dilaksanakan oleh 2 orang wakil CTSB dari Kuala Lumpur iaitu Habibah dan Syahirah.

## 10. GENERATIVE AI CONFERENCE 2024 AT PARK ROYAL COLLECTION HOTEL, KL 15/07/2024 (ISNIN)

Persidangan ini telah berlangsung selama 2 hari dari 15/07/2024 sehingga 16/07/2024. Ia bertujuan untuk memperkasakan organisasi dalam meningkatkan produktiviti, memacu pertumbuhan, dan mengubah budaya melalui penerapan GenAI yang praktikal. Ia juga untuk meningkatkan kesedaran, berkongsi contoh dunia nyata, dan menangani cabaran pelaksanaan untuk mengubah organisasi dan individu supaya bersedia untuk GenAI. Persidangan ini telah berlangsung di Kuala Lumpur dan dihadiri oleh Puan Arina sebagai peserta dari CTSB.

## 11. INSURANCE BENEFITS UPDATE SESSION BERSAMA AIA 18/07/2024 (KHAMIS)

Semua staf MSC dan CTSB terlibat dalam sesi pengenalan untuk kemaskini mengenai manfaat insurans yang syarikat telah sediakan. Ia bertujuan untuk memastikan semua staf mengetahui tahu tentang perubahan dan penambah baikan terkini terhadap polisi insurans syarikat. Sesi ini telah dijalankan dengan kerjasama wakil dari AIA.




## 12. SESI LATIHAN NAIKTARAF MODUL HASIL EPBT 3.0 BERSAMA MDKT & MDL 21/07/2024 (AHAD)

Sesi Latihan bersama Majlis Daerah Kota Tinggi dan Majlis Daerah Labis telah dijalankan serentak di Bilik Latihan Tingkat 8, Menara MSC pada 21/7/2024 sehingga 24/7/2024. Sesi latihan ini adalah bertujuan untuk memberikan pengetahuan tentang ciri-ciri yang telah dinaiktaraf di dalam Modul Hasil e-PBT 3.0.



### 13. SESI UAT PEMANTAUAN PROJEK BERSAMA MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG (MBDK)

22/07/2024 (ISNIN)



Sesi UAT Pemantauan Projek bagi Majlis Bandaraya DiRaja Klang telah dijalankan selama 2 hari iaitu dari 22/07/2024 sehingga 23/07/2024. Sesi ini telah dihadiri oleh pegawai MBDK termasuk pengguna jabatan. Sesi ini telah dijalankan di MBDK dan telah dilaksanakan oleh 4 orang wakil CTSS iaitu Habibah, Syahirah, Aina, dan Syafaizah.

### 14. SESI UAT TERMINAL KEHADIRAN MODUL SUMBER MANUSIA MAJLIS PERBANDARAN KULAI (MPKU)

24/07/2024 (RABU)



Sesi UAT Terminal Kehadiran bagi MPKu telah dijalankan di Bilik Mesyuarat, MPKu. Terminal Kehadiran adalah sistem kehadiran yang berintegrasi dengan e-PBT Modul Sumber Manusia. Ia telah dilaksanakan oleh dua orang wakil CTSS iaitu Edy Izwan dan dibantu oleh Aina.

## 15. MAJLIS FAREWELL SAIDATUL NADIRA

25/07/2024 (KHAMIS)



Majlis Farewell Nadira telah diadakan sebagai tanda penghargaan atas sumbangannya di CTSB bersama ITSE. Nadira telah bersama CTSB sejak tahun 2023 dengan bermula sebagai pelatih industri. Majlis jamuan makan telah diadakan dan yang turut disertai oleh rakan-rakan dan team. Kami mengucapkan semoga maju jaya di tempat baru.

## 16. SESI UJI CUBA MODUL KEWANGAN DAN MODUL PENILAIAN SISTEM BERSEPADU PBT DI DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA

29/07/2024 (ISNIN)



Sesi uji cuba Modul Kewangan dan Modul Penilaian ini telah dijalankan selama dua hari iaitu dari 29.07.2024 sehingga 30.07.2024 di Depo @ Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU). Sesi ini bertujuan untuk memberikan pengujian sistem Bersepadu PBT kepada Jabatan Kewangan, Jabatan Penilaian, dan Jabatan Teknologi Maklumat DBKU. Ia telah dilaksanakan oleh 7 orang wakil CTSB dari JB dan 2 orang wakil CTSB dari Kuching.